

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 23 MEI 2017 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Mosti cadang penubuhan majlis selaraskan piawaian - Menteri	Astro Awani
2.	Mosti to set up council to improve Malaysia standardisation, accreditation process	New Straits Times
3.	Mosti plans to establish standards coordinating council	Bernama Online
4.	APR 31 cari formula kekal keamanan Asia Pasifik	Berita Harian
5.	Sasar jual 100, 000 alat pengesan kanser serviks di Indonesia	Utusan Malaysia
6.	myMUWAQQIT bantu ketahui waktu solat dalam pesawat	Berita Harian

**KERATAN AKHBAR
BERNAMA (GENERAL)
TARIKH: 23 MEI 2017 (SELASA)**

astro
AWANI

**MOSTI CADANG PENUBUHAN MAJLIS SELARASKAN
PIAWAIAN – MENTERI**



Madius berkata pihaknya tidak bercadang menjadikan standard itu sebagai wajib diperoleh setiap pengeluar produk dan penyedia perkhidmatan di negara ini

MELAKA: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bercadang menubuhkan sebuah majlis bagi menyelaraskan pembangunan dan pelaksanaan standard secara menyeluruh di negara ini.

Menteri berkenaan **Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** berkata majlis itu, yang melibatkan pelbagai kementerian, jabatan, agensi swasta dan persatuan pengguna, akan bertindak sebagai badan yang memastikan standard seperti **Standard Malaysia** oleh Institut Piauanan dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan Halal Malaysia oleh

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dilaksana dengan berkesan.

Beliau berkata majlis itu juga memainkan peranan penting sebagai medium kerjasama antara pihak berkepentingan membabitkan 22 agensi persijilan standard antaranya **SIRIM** dan JAKIM bagi memastikan standard itu bertepatan dengan keperluan rakyat dan dasar kerajaan selain menjadikan standard di negara ini lebih diyakini.

"Penubuhan (majlis itu) perlukan sedikit masa sebelum dimuktamadkan. Apabila ditubuhkan kelak, ia akan menjadikan ekosistem standard negara lebih mantap dan kukuh yang akhirnya dapat meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk sesuatu standard, memupuk kepercayaan terhadap produk buatan kita sendiri," katanya pada sidang berita di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau merasmikan Mesyuarat Program Pertengahan Tahun Metrologi Asia Pasifik di Bandar Hilir di sini. Turut hadir Pengerusi program itu Dr Toshiyuki Takatsuji dan Presiden Forum Undang-undang Metrologi Asia Pasifik Stephen O'Brien.

Seramai 68 peserta dari 15 negara termasuk Fiji, Bangladesh dan Malaysia menghadiri mesyuarat tujuh hari itu yang bermula semalam yang dianjurkan Institut Metrologi Kebangsaan Malaysia dan SIRIM.

Madius berkata pihaknya tidak bercadang menjadikan standard itu sebagai wajib diperoleh setiap pengeluar produk dan penyedia perkhidmatan di negara ini.

"Standard bukan sesuatu perkara yang wajib diperoleh setiap pengeluar atau penyedia sebaliknya ia dilakukan secara sukarela. Namun, ia adalah satu nilai tambah yang dapat meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk dan perkhidmatan itu," katanya.

Beliau berkata penubuhan majlis itu dapat meningkatkan kesedaran tentang pentingnya standard dalam kalangan rakyat selain manfaat yang diperoleh mereka apabila menggunakan produk atau mendapatkan perkhidmatan yang diperakui sesuatu standard.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NATION)
TARIKH: 23 MEI 2017 (SELASA)

NEW STRAITS TIMES

MOSTI TO SET UP COUNCIL TO IMPROVE MALAYSIA STANDARDISATION, ACCREDITATION PROCESS



Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) has proposed to set up a council to coordinate the system of standards, accreditation and certification of products and services in the country. (Bernama photo)

By Kelly Koh - May 22, 2017

MELAKA: Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) has proposed to set up a council to coordinate the system of standards, accreditation and certification of products and services in the country.

Its Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau said the council, which would be chaired by himself, was to create awareness on the importance of standards and metrology to improve the quality of national production.

"This is very preliminary. We are working on setting up the council on the purpose of consolidating all measurement and certification agencies in

the country so that we can bring forth an ecosystem of products which can be trusted by consumers.

"It is my fervent hope that a better coordination will be achieved as standards and quality are of concerns across all ministries and agencies," he said at the Asia Pacific Metrology Programme (APMP) Mid-Year meetings here, today.

He said that standardisation and certification of products is becoming a crucial of the booming e-commerce or online trade.

Wilfred cited an example where proper certification of products sold online would help shore consumer confidence.

"Nowadays, when you buy something online you don't get to see the products but with certification. This will give confidence and trust among consumers in purchasing products online," he added.

Wilfred added that the proposal to set up the council would be brought up to the cabinet coupled with its strategic action plan for effective implementation in due course.

"The council will eventually replace the current National Measurement Council and Malaysian Standards and Accreditation Council.

"It will also involve 22 certification Malaysian and foreign bodies according to their sectors," he said.

<https://www.nst.com.my/news/nation/2017/05/241527/most-i-set-council-improve-malaysias-standardisation-accreditation-process>

KERATAN AKHBAR
BERNAMA (GENERAL)
TARIKH: 23 MEI 2017 (SELASA)



MOSTI PLANS TO ESTABLISH STANDARDS COORDINATING COUNCIL

MELAKA, May 22 (Bernama) -- The **Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)** plans to set up a council to coordinate the development and implementation of standards comprehensively in the country.

Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau said the council which would involve various ministries, departments, private agencies and consumer associations, would act as a body that ensures conformity with standard requirements similar to Malaysian Standard developed by the Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM) and Malaysia Halal by the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM).

He said the council would also play an important role as a medium to promote cooperation between stakeholders involving 22 standard accreditation agencies, including **SIRIM** and JAKIM, to raise confidence on standards and ensure that the standards achieved fulfilled the people's needs and government policy requirements.

"More time is required before the council can be established and, when operational, it will strengthen the national standards ecosystem and ultimately increase consumer confidence towards a product under a certain standard, thus instilling confidence in our locally manufactured products," he said at a news conference here, today.

Earlier, the minister officiated the opening of the Asia Pacific Metrology Mid-Year Programme in Bandar Hilir here, which was also attended by programme chairman Dr Toshiyuki Takatsuji and Asia Pacific Metrology

Legal Forum president Stephen O'Brien.

A total of 68 participants from 15 countries, including Fiji, Bangladesh and Malaysia, are attending the seven-day meeting, which began yesterday, hosted by the National Metrology Institute of Malaysia and SIRIM.

Wilfred Madius said the ministry had no plan to make it mandatory for every product manufacturer and service provider to obtain standards certification.

"It is not compulsory but it adds value and consumers will have more confidence in the products and services.

"The important thing is with the establishment of the council the public will be aware on the importance of buying products with certain standards and the advantage of using products or services which have been defined by standards and specifications," he added.

-- BERNAMA

<http://www.bernama.com/bernama/v8/ge/newsgeneral.php?id=1358242>

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (PERSIDANGAN) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 23 MEI 2017 (SELASA)**

PERSIDANGAN MEJA BULAT ASIA PASIFIK KE-31

APR 31 cari formula kekal keamanan Asia Pasifik

Malaysia sumbang tenaga, ambil bahagian teruskan kedaulatan, keselamatan serantau

Oleh Sophia Ahmad
sophia@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kebangkitan kuasa besar termasuk negara di Asia dilihat semakin mendominasi senario politik dunia dan sedikit sebanyak memberi kesan

kepada rantau ASEAN, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata fenomena paling tidak dijangka sering dikesan ialah kekecewaan terhadap kegagalan proses globalisasi yang pada dasarnya bukan berlaku dalam waktu singkat, sebaliknya pernyatku yang terpendam sekian lama.

"Ia berlaku sudah lama dan dimarakkan lagi dengan kewujudan jurang ekonomi, kemunduran dan perbezaan ideologi politik.

"Semua aspek ini di banyak tempat di dunia, mengakibatkan banyak kejadian negatif seperti sikap tidak bertolak ansur, prejudis dan kebencian terhadap masyarakat dan budaya asing," katanya.

Najib berkata demikian dalam teks ucapan dibacakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nancy Shukri pada majlis pembukaan Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik Ke-31 (APR 31), di

sini malam tadi.

Percambahan idea

Katanya, pengajuran APR 31 adalah manifestasi kepada percambahan idea golongan pemikir strategik yang bertungkus lumus menghasilkan formula untuk me-

neruskan kelangsungan keamanan dan ketablian rantau Asia Pasifik.

"Atas dasar ini, Malaysia tidak ketinggalan menyumbang tenaga dan mengambil bahagian dalam semua perkara yang mengkhusus kepada kedaulatan serta kesel-

matan serantau.

"Dengan penyerahan negara jiran, kita ambil bahagian mengawal Selat Melaka dan Laut Sulu. Prinsip Malaysia untuk amal pendekatan kesederhanaan serta kerjasama membawa kepada penubuhan Pusat Serantau Mernerangi Mesej Melalui Komunikasi," katanya.

Najib berkata, pengurangan aktiviti Daesh, peranan Malaysia dalam menjalin hubungan erat dengan negara luar turut diiktiraf apabila memainkan peranan sebagai pemangkin rundingan damai di Thailand dan Filipina," katanya.

"Tidak hanya membantu membasmi aktiviti Daesh, peranan Malaysia dalam menjalin hubungan erat dengan negara luar turut diiktiraf apabila memainkan peranan sebagai pemangkin rundingan damai di Thailand dan Filipina," katanya.



Nancy bersama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau dan Pengurus Institut Kajian Strategik dan Pengajian Antarabangsa, Tan Sri Rastam Mohd Isa tiba pada majlis pembukaan Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik Ke-31 (APR 31) di Kuala Lumpur, malam tadi.



22-24 MEI 2017
KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSANBIZ) : MUKA SURAT 16
TARIKH: 23 MEI 2017 (SELASA)



ABU Bakar Mohamad Diah (dua dari kiri) menunjukkan set alat persampelan sendiri bagi mengesan kanser serviks Cervisafe pada majlis perasmian program MOSTI Social Innovation di Melaka, kelmarin.

Sasar jual 100,000 alat pengesan kanser servik di Indonesia

Oleh **SUFFIAN ABU BAKAR**

ekonomi@utusan.com.my

MELAKA 22 Mei - LaDIY Healthcare Sdn. Bhd., syarikat tempatan yang menghasilkan alat persampelan sendiri bagi mengesan kanser servik yang pertama di negara ini iaitu Cervisafe, menyasarkan jualan sebanyak 100,000 unit produk tersebut di Indonesia apabila ia memasuki negara itu Julai depan.

Pengarah Urusannya, Romli Ishak berkata, menerusi kerjasama syarikat itu dengan Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CaRE) Universiti Putra Malaysia (UPM), produk tersebut mula dihasilkan sejak 2014 dan sehingga kini lebih 2,000 set Cervisafe telah dijual di pasaran tempatan.

"Produk ini yang dijual pada harga RM300 seunit dijangka akan dilancarkan di Indonesia Julai depan dan kita berharap dapat menjual sebanyak 100,000 unit di negara tersebut."

"Ketika ini Cervisafe sudah

dipasarkan di Afrika Selatan di mana kita ada ejen jualan di Johannesburg manakala di Turki pihak Kementerian Kesihatan negara itu sedang mengadakan penilaian untuk produk ini sebelum ia dibenarkan untuk dipasarkan," katanya.

Beliau ditemui pada Program MSI Cervisafe anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang dirasmikan Timbalan Menterinya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah di sebuah hotel di sini semalam.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Datuk Norhalim Yunus; Pengarah Bahagian NICE MTDC, Mariamah Daud dan Pengarah CaRE UPM, Prof. Datin Dr. Rozi Mahmud.

Pada majlis itu, Abu Bakar mengumumkan kementeriannya memperuntukkan sejumlah RM300,000 menerusi peruntukan MOSTI Social Innovation (MSI) untuk mengagihkan seba-

nyak 700 Cervisafe kepada masyarakat di 10 lokasi di seluruh negara secara berperingkat-peringkat.

Peruntukan tersebut disalurkan kepada MTDC iaitu agensi pelaksana bagi membangunkan projek berdasarkan teknologi dan inovasi bagi kehidupan masyarakat.

Sementara itu, Rozi berkata, alat berkenaan mudah dikendalikan dan mampu dimiliki golongan wanita berbanding caj bagi mendapatkan pemeriksaan berkenaan terutamanya di hospital swasta pada kadar antara RM700 hingga RM1,200 mengikut pakar.

"Alat persampelan bagi mengesan kanser servik seperti ini hanya dihasilkan syarikat di Belanda dan kajian dan penyelidikan mengenainya dilakukan syarikat ini dengan kerjasama CaRE UPM sejak tahun 2011. Kami berterima kasih kepada MOSTI menerusi MTDC kerana membantu memasarkan produk tempatan di peringkat antarabangsa," katanya.

KERATAN AKHBAR BERITA HARIAN (INOVASI) : MUKA SURAT 4 TARIKH : 23 MEI 2017 (SELASA)

Info

myMUWAQQIT

- **Satu-satunya** aplikasi mengetahui waktu dan lokasi solat di dunia
- **Dibangunkan** hasil kajian 52 set data membabitkan 45 penerbangan
- **Data** cerapan dianalisis untuk mendapatkan sudut zenith untuk permulaan waktu Fajar, Syuruk, Ghurub dan Isyak
- **Diberi** jolokan 'Malaysia's Gift To The World'
- **Berdasarkan** kajian sains Islam yang terperinci yang diusahakan Persatuan Falak Syar'i Malaysia, MAB, dan JAKIM yang mengeluarkan kaedah baharu dalam kiraan solat beraliftit tinggi iaitu lebih 40,000 kaki

[FOTO SURIANIE MOHD HANIE/BH]

BH PLUS
di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video

Aplikasi solat yang dimuat dalam myMUWAQQIT memberi kemudahan untuk umat Islam solat dalam pesawat.

myMUWAQQIT bantu ketahui waktu solat dalam pesawat

PFM dengan sokongan MAB, MOSTI serta JAKIM bangun perisian untuk kemudahan umat Islam

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Iah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my • Kuala Lumpur

Persatuan Falak Syar'i Malaysia (PFSM) membangunkan perisian khas dinamakan myMUWAQQIT bagi membantu umat Islam mengetahui waktu solat dengan tepat ketika berada di dalam kapal terbang.

Dibangunkan dengan sokongan Penerbangan Malaysia Berhad (MAB), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan disahkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), ia berupaya memberikan waktu solat dengan tepat berpadukan zon masa dan tempoh perjalanan.

Hanya dengan memasukkan nombor pendaftaran kapal terbang serta tarikh pelepasan di laman web www.mymuwaqqit.com, ia akan memaparkan lima waktu solat berdasarkan zon masa ketika pelepasan atau ketibaan.

Pembangunan perisian myMUWAQQIT diketuai oleh Ahli Jawatankuasa PFSM, Abdul Rahomny Mohd Yusof selepas menghasilkan 52 set data meliputi 45 penerbangan bersama MAB mulai tahun 2011 hingga 2012.

Abdul Rahomny berkata, inisiatif waktu solat itu memberi peluang kepada umat Islam mengetahui dengan tepat waktu solat dan lokasi solat fardu berkenaan boleh dilaksanakan.

Sesuai untuk syarikat penerbangan
"Lebih menarik, aplikasi itu bukan hanya boleh digunakan untuk penerbangan MAB tetapi sesuai untuk syarikat penerbangan lain.

"Lebih menyakinkan, aplikasi ini turut menyediakan paparan peta taluan penerbangan bagi memudahkan kita mengenal pasti lokasi yang membolehkan individu itu menunaikan solat fardu dalam kapal terbang," katanya kepada BH.

Sementara itu, Yang Dipertua PFSM, Syed Kamarulzaman Syed Kabeer, berkata impian persatu-

an itu untuk menghasilkan aplikasi terbatas menjadi kenyataan apabila MAB tampil membentangkan kertas kerja di hadapan Jawatankuasa Panel Pakar Falak JAKIM pada tahun 2009.

Beri lembaran baharu
"Selepas pembentangan berkenaan, JAKIM dan PFSM mengadakan perbincangan lanjut dan hasilnya, JAKIM mengamankan persatuan untuk merealisasikan cadangan terbatas.

"Selain kesudian MAB menjaya penerbangan dan kemudahan lain diperlukan persatuan, pembangunan aplikasi terbatas memberi lembaran baharu kepada dunia sains moden," katanya.

Syed Kamarulzaman berkata, bagi memudahkan umat Islam mengetahui waktu dan lokasi solat, pihaknya turut menghasilkan aplikasi terbatas yang boleh dimuat turun di telefon pintar.

Katanya, aplikasi itu boleh dimuat turun di semua telefon pintar jenis android secara percuma buat masa ini.

Maklumat

Pilihan Bahasa: Malay

Map Satellite

myMUWAQQIT EMBIMBING MUSAFIR MUSLIM

Iceland Finland Sweden Norway United Kingdom Poland Ukraine France Spain Italy Turkey Algeria Libya Egypt Saudi Arabia Terms of Use

Google Map data ©2017

Disahkan Oleh:

PERSATUAN FALAK SYAR'I MALAYSIA جماعة الفلك الشرعي
MALYASIAN ISLAMIC ASTRONOMY SOCIETY

Dengan Sokongan:

mosti **malaysia**

Perjalanan umat Islam lebih mudah dengan panduan bersolat dalam pesawat hasil inovasi Persatuan Falak Syar'i Malaysia.

Syed Kamarulzaman Syed Kabeer

Abdul Rahomny Mohd Yusof